

Dr M kesal tak dapat hadir

BH-13/11/2006
KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad kesal kerana tidak dapat menghadiri Perhimpunan Agung Umno yang bermula hari ini selepas dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN) akibat serangan sakit jantung ringan, Khamis lalu.

Anaknya, Datuk Mukhriz, bagaimanapun berkata, Dr Mahathir akan mengikuti persidangan itu menerusi siaran langsung di televisyen dan laporan media.

"Dia memang berhajat sangat untuk bersama dengan perwakilan dalam perhimpunan agung kali ini walaupun hanya diundang sebagai jemputan khas," katanya kepada pemberita di IJN, semalam.

Mukhriz berkata, doktor telah menasihatkan ayahnya supaya berehat dan tidak melakukan sebarang tugas selama dua bulan selepas dibenarkan keluar nanti seawal-awalnya Khamis ini.

"Doktor sekarang masih memantau secara dekat kesihatan Tun dan buat masa ini keadaan Tun semakin pulih. Pagi tadi (semalam) Tun ada meminta pemandunya membawakan kasut jogging beliau. Tun juga tidak menghadapi sebarang masalah dengan rawatan yang diberikan," katanya.